

GARIS PANDUAN PENGHASILAN KLIP VIDEO UCAPAN TERIMA KASIH CIKGU

1. Penyertaan terbuka kepada semua murid dan pelajar dari prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, Kolej Matrikulasi dan Institut Pendidikan Guru (IPG) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
2. Penyertaan adalah secara **INDIVIDU** dengan mendapat bimbingan seorang guru.
3. Setiap penyertaan perlu memaparkan slogan dan tanda pagar **#TerimaKasihCikgu** serta menggunakan ilustrasi dan kreativiti masing-masing dalam menzahirkan slogan video tersebut.
4. Masa yang diperuntukkan bagi penghasilan video adalah tidak melebihi 1 minit (60 saat).
5. Elemen tambahan seperti animasi, grafik dan ilustrasi adalah dibenarkan.
6. Format video yang dihasilkan adalah seperti berikut:
 - a) Format: ***.mp4 ATAU *.avi**
 - b) Durasi video: **Tidak melebihi 1 minit (60 saat)**
 - c) Format penyimpanan karya: **Nama Peserta.mp4**
Contoh : SKSERIJAMIL.mp4
 - d) Maksimum saiz fail: **10MB**
 - e) Format Video: **Melintang (*Landscape*)**
 - f) Resolusi Video: **1280x720 (HD) ATAU 1920x1080 (FHD)**
7. Peserta hendaklah memastikan klip video yang dihantar boleh dibuka dan dimainkan dengan baik, jelas dari segi audio, tiada gangguan luar serta elemen gangguan lain yang akan menjejaskan persembahan video.
8. Karya yang dihasilkan mestilah mempunyai ciri-ciri Karakter Murid Johor (KrMJ), nilai murni dan tidak boleh mengandungi unsur-unsur yang boleh menyentuh sensitiviti perkauman, kebudayaan, keagamaan, politik dan isu-isu sensitif serta menghina mana-mana individu lain. **Penyertaan mestilah diuruskan oleh pihak sekolah dengan mengisi boring pengesahan yang disediakan.**
9. Semua hasil penyertaan adalah hak milik Kementerian Pendidikan Malaysia dan hasil karya murid yang terpilih akan disiarkan di media sosial untuk tontonan umum.

10. Setiap penyertaan perlu **dihantar melalui sekolah / kolej / institut** kepada urus setia Klip Video Ucapan Terima Kasih Cikgu di Jabatan Pendidikan Negeri Johor **sebelum atau pada 31 Mac 2022** dan akan menerima **e-sijil**.
11. Peserta hendaklah memuatnaik video di *channel Youtube* masing-masing dan hanya memberikan pautan (*link*) video kepada urus setia.
12. Borang penyertaan serta ruang pautan video boleh diisi melalui pautan *google forms* di bawah:

<https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSfvN4c-Bo0WVvjeQtZNYoaPwCvDZSiPXRJoTozavNBbT-M7dg/viewform>

ATAU boleh imbas kod QR di bawah:



13. Urus setia di Jabatan Pendidikan Negeri Johor akan memilih 100 video yang berkualiti, kreatif, inovatif serta mempunyai nilai yang bermakna untuk dihantar kepada urus setia Gerakan Massa : Terima Kasih Cikgu di Kementerian Pendidikan Malaysia pada 15 April 2022.

Urus Setia Gerak Massa : “Terima Kasih Cikgu”
Klip Video Ucapan Terima Kasih Cikgu
Unit Pembangunan Bakat Murid
Sektor Pembangunan Murid
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru

(u/p: Tuan Haji Azmi bin Abu)